

Jenis Akhbar : BH Online
Tarikh : 14/11/2017
Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my



PRESIDEN ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah (kiri) mengadakan sidang media "Wrap Up aktiviti harian ICAKL 2017 di Sunway Resort Hotel & Spa ,Bandar Sunway. - Foto Zulfadhli Zulkifli

ANGKASA bantu Mauritius bangun sektor koperasi

Oleh Rozdan Mazalan

KUALA LUMPUR: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) akan menerima 12 pegawai dari Koperasi Apex Mauritius untuk dilatih bagi membangunkan sektor berkenaan di negara itu.

Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata pihaknya bersetuju bekerjasama dengan Kementerian Koperasi Mauritius yang memerlukan khidmat ANGKASA bagi melatih pegawainya bermula tahun depan.

"Hari ini saya menerima kunjungan menteri Kementerian Koperasi Mauritius yang memohon bantuan kita untuk menempatkan 12 pegawainya agar dapat mempelajari bagaimana ANGKASA berperanan.

"Bagi saya, ia penghargaan buat negara khususnya ANGKASA yang dijadikan contoh oleh negara luar bagaimana kita membantu ahli koperasi bernaung di bawah ANGKASA," katanya.

Beliau ditemui pada Persidangan Global dan Mesyuarat Agung Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2017 di Sunway Resort Hotel & Spa, di sini hari ini.

ICA yang dijadikan acara dwi tahunan, membabitkan pembentangan 41 kertas kerja untuk dijadikan resolusi diangkat di negara peserta, seterusnya kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Abdul Fattah berkata, bengkel hari kedua menolak beberapa cadangan yang tidak boleh diangkat sebagai resolusi kerana bertentangan dengan prinsip koperasi.

"Antara isu dibincangkan seperti pandangan beberapa negara yang mahu menggabungkan keseluruhan koperasi di negara masing-masing.

"Kami berpendapat ia bertentangan dengan semangat koperasi, autonomi dan demokrasi, menyebabkannya ditolak oleh jawatankuasa ICA.

"Selain itu ada juga cadangan untuk membenarkan organisasi menjadi ahli gerakan koperasi untuk menambah modal koperasi. Itu juga tidak dipersetujui kerana bertentangan dengan prinsip koperasi," katanya.

ICA yang berlangsung dari 14 hingga 17 November ini disertai 1,473 delegasi dari 98 negara, termasuk Amerika Syarikat, Russia, United Kingdom, China, Jepun, Korea, Kanada, India, Iran dan Turki.